

SUARAA



PERSATUAN
PENOLONG
PEGAWAI
FARMASI
MALAYSIA

PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

PP 9499/07/2013(033003)

NO PENDAFTARAN : 1717

2016 / 2017



PPF HUKM MASIH JUARA ???



FUTSAL PPF BERSATU

**Mesyuarat Agung Dwi-Tahunan
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
Sessi 2015-2017**

SIDANG PENGARANG

KETUA PENGARANG	: Tuan Haji Abdul Manan Bin Kechik
SETIAUSAHA	: Encik Asrul Effendi Bin Jamaludin
EDITOR	: Tuan Hj. Sulaiman Harun
SIDANG PENGARANG	: Puan Hajah Siti Hanisah Binti Md Said Puan Nordiana Binti Tajudin En. Suhaimi Esa Puan Nik Azrini Binti Muhamed

SENARAI AHLI MAJLIS DAN JURUAUDIT KEHORMAT PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA SESSI 2015-2017

PENASIHAT	: YBhg. Profesor Tan Sri Dzulkipli Abdul Razak (Universiti Antarabangsa Al-Bukary, Alor Setar, Kedah)
YANG DIPERTUA	: Puan Samidah Rahmat (Hospital Sultanah Aminah, Johor Baharu, Johor.)
NAIB YANG DIPERTUA	: Tuan Hj Abdul Manan bin Kechik (Kolej KIST, Bachok, Kelantan)
SETIAUSAHA KEHORMAT	: Tuan Hi Mohd Razan Pardi (Klinik Kesihatan Yong Peng, Batu Pahat . Johor)
PEN. SETIAUSAHA KEHORMAT	: En. Asrul Effendi Jamaludin (Pusat Perubatan UKM, Cheras, Kuala Lumpur)
BENDAHARI KEHORMAT	: Tuan Hj. Sulaiman Harun (Pesara PPF)
AHLI-AHLI	: -En. Suhaimi Esa (Hospital USM, Kubang Kerian, Kelantan)
	: -En.Mohd Hasan Zaini Shafei (Hospital Tunku Fauziah, Kangar, Perlis)
	: -Puan Siti Hanisah Md.Said (KPJ Johor Specialist)
	: -Puan Nordiana Tajudin (Hospital Raja Perempuan Bainun , Ipoh, Perak)
	: - Rosnah Muhammad (Hospital Melaka, Melaka)
JURUAUDIT KEHORMAT	: - Ahmad Shukri Puteh (Institut Perubatan & Pergigian Termaju USM , P.Pinang)
	: -Puan Muniza Murad (Hospital Tunku Fauziah, Kangar, Perlis)

IBU PEJABAT PERSATUAN

IBUPEJABAT PERSATUAN

Setiausaha Kehormat,
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia,
D/A : No 6 Jalan Berlian 3, Taman Berlian,
83700 Yong Peng, Johor.

DITERBITKAN OLEH:

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia
No. Pendaftaran : 1717

DICETAK OLEH :

CETAK BERJAYA
13 Jalan 6, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur.

KANDUNGAN

<u>PENDAHULUAN</u>	<u>M/SURAT</u>
1. Dari Meja Ketua Sidang Pengarang	1
2. Kata Aluan YDP Persatuan PPFM	2
3. Ahli Majlis Persatuan PPFM (2015-2017)	3
4. Wakil Negeri Persatuan PPFM (2015-2017)	4
 <u>LAPORAN AKTIVITI</u>	
5. Kejohanan Futsal Piala YDP 2015	5-7
6. Persidangan PPF Kebangsaan Kali ke-8 2015	8-13
7. Mesyuarat Agong Dwi-Tahunan PPF 2015-2017	14-17
8. Majlis Makan Malam Mesra PPF Melaka	18-21
9. Sehari bersama PPF PPUM	22-24
10. Pertandingan Bowling PPF 2016	25-29
11. Persidangan PPF Kebangsaan Kali ke-9 2016	30-35
 <u>ARTIKEL & RENCANA</u>	
12. Osteoporosis and Arthritis	36-37
13. Borang Keahlian Persatuan PPFM	38

DIKEHENDAKI

KEPADA :

SEMUA PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

Pihak PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA , Menjemput anda untuk menyumbangkan sebarang bentuk karya seperti :

- artikel / rencana
- Berita bergambar / kursus
- Selingan / sajak
- Lawatan sambil bekerja diluar negara

Setiap sumbangan yang diterbitkan /disiarkan didalam majalah, akan menerima **IMBUHAN SAGUHATI**.

Alamatkan karya anda kepada:

**KETUA SIDANG PENGARANG
SUARA PENOLONG PEGAWAI FARMASI
Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST),
Kampus Utama Ibnu Sina,
Lot 1798-1800 Mukim Telong
16300 Bachok,
Kelantan.**

Email : manan938@gmail.com &
asrul@ppukm.ukm.edu.my

DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua Penolong Pegawai Farmasi / Pembantu Farmasi dimana saja anda berada, sama ada yang masih bertugas atau yang telah meninggalkan perkhidmatan yang kita sayangi ini.

Alhamdulillah dapat kita berjumpa lagi melalui keluaran buletin kali ini. Walau pun agak kelewatan ianya diharapkan dapat untuk kita bertukar fikiran dan berita demi membela kepentingan dan kesejahteraan serta memenuhi hasrat dan cita-cita persatuan kita ini.

Saya kira masih belum lewat untuk kami mengucapkan SELAMAT HARI RAYA EIDUL FITRI kepada semua ahli persatuan ini. Sekalung tahniah kepada Ahli Majlis yang berjaya dalam pemilihan baru-baru ini. Terima kasih kepada bekas Ahli Majlis yang mengundurkan diri. Bakti dan khidmat tuan/puan amat kami hargai. Sekalung tahniah juga kepada rakan-rakan yang berjaya dalam kenaikan pangkat yang baru saja diumumkan.

Menjadi harapan kita semua agar persatuan ini akan terus mantap dan dapat bergerak aktif dengan penglibatan semua ahli bagi meneruskan hasrat murni persatuan ini. Adalah menjadi harapan Ahli Majlis persatuan agar penglibatan secara berterusan akan dapat menambahkan jumlah keahlian supaya ianya dapat menggambarkan bagaimana aktifnya persatuan kita ini.

Akhirnya, marilah kita sama-sama merealisasikan perjuangan kita yang belum selesai. Jadilah ahli persatuan yang aktif kerana inilah wadah yang dapat memperjuangkan nasib dan masa depan profesion kita ini.

Sekian, Terima kasih.

10 Ogos 2016
Ketua Sidang Pengarang
Kubang Kerian, Kelantan.

KATA-KATA ALUAN



SAMDAA BINTI RAMLAT
YANG DIPERTUA
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015-2017

Assalamualaikum Wr Wb , Salam Sejahtera, Salam Muafakat 1 Malaysia

Syukur kepada Tuhan atas limpah nikmat dan kurnianya, " SUARA PPPFM " berjaya diterbitkan buat sekian kalinya dalam tahun 2016. Jutaan tahniah dan syabas buat seisi warga kerja Sidang Redaksi kerana tidak putus menghulur seribu satu informasi, tidak dilupakan, imejan yang memberi perspektif bersih terhadap setiap satu mata yang memandang, setiap telinga yang mendengar dan setiap lidah yang bertutur.

Ucapan terima kasih juga saya titipkan atas kesempatan berharga yang diberi pihak Sidang Redaksi untuk saya mencoretkan setitis tinta buat " SUARA PPPFM " yang menjadi wadah pencerna minda PPF Malaysia.

Mengenal " SUARA PPPFM " dengan membacanya, anda berkenalan dengan ahlinya melalui aktiviti yang dipaparkan didalam " SUARA. PPPFM " . Tak kenal maka tak cinta. Bacalah dulu baru tahu.

Sekali lagi saya ingin menarik ingatan, samaada tuan/puan berada didalam KKM atau di luar KKM, kita mempunyai nama Profesion yang sama, mempunyai matlamat yang sama, mencapai objektif yang sama dan sama-sama memberikan perkhidmatan farmasi kepada masyarakat. Justru itu apa sahaja halangan yang datang kita hadapi bersama dengan berkongsi cerita, berkongsi ilmu dan sepakat menerima pendapat bagi meningkatkan kopetensi profesion Penolong Pegawai Farmasi .

Dengan satu tekad, supaya " SUARA PPFM " menjadi lebih cemerlang, gemilang dan terbilang, setiap kata, setiap dusta, setiap cerca di tolak ketepi, seperti kata pepatah, mati tidak akan menyesal, luka tidak akan menyuik. Saya berharap agar segala memoir yang tersimpan, biarlah yang muluk-muluk, dan bukan yang buruk-buruk.

Justeru, atas kesempatan ini, saya memohon sepuluh jari, memohon maaf atas lisan yang tidak terjaga, tutur yang mencoret luka dan perbuatan yang mengundang duka.

Akhirulkalam, selaku Yang Dipertua Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia, bagi sesi 2015 - 2017, saya berharap agar " SUARA PPPFM " akan dapat memberi manfaat dan terpilih menjadi koleksi peribadi kenangan-kenangan.

Api dalam gelas,
Sayang selasih berisi minyak;
Budi anda semua tidak terbalas,
Terima kasih banyak-banyak.



**AHLI MAJLIS DAN JURU ODIT KEHORMAT
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015 – 2017**

- Penasihat** : **Ybhg. Professor Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak**
Universiti Antarabangsa Al Bukhary, Alor Setar ,Kedah
- Yang Dipertua** : **Puan Samidah Rahmat**
Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor.
- Naib Yang Dipertua** : **Haji Abdul Manan b Kechik**
Kolej Islam Sains & Teknologi, Bachok, Kelantan
- Setiausaha Kehormat** : **Haji Mohamad Razan b Pardi**
Klinik Kesihatan Yong Peng,83700 Batu Pahat,Johor.
- Penolong Setiausaha Kehormat** : **En. Asrul Effendi b Jamaludin**
Pusat Perubatan UKM, Cheras, Kuala Lumpur.
- Bendahari Kehormat** : **Haji Sulaiman b Harun**
Pesara U36 PPF
- Ahli-Ahli** : **En. Mhd Hassan Zaini b Shafie**
Hospital Tuanku Fauziah,Perlis
- Pn.Siti Hanisah bt Md.Said**
Hospital Pakar KPJ Johor Bahru, Johor.
- Pn Nordiana bt Tajudin**
Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak
- En.Suhaimi b Esa**
Hospital USM, KubangKerian, Kelantan
- Pn Hjh Rosnah bt Muhammad**
Hospital Melaka,Melaka.
- Juru Odit Kehormat** : **En. Ahmad Shukri b Puteh**
Institut Perubatan dan Pergigian Temaju, USM,Pulau Pinang.
- Pn Muniza b Murad**
Hospital Tuanku Fauziah,Kangar,Perlis



**WAKIL- WAKIL NEGERI
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA
SESSI 2015 – 2017**

Perlis	:	Pn Muniza bt Murad (1769) (Hospital TuankuFauziah,Kangar)
Kedah	:	En.Mahadzir b Saad (1381) (Hospital Sultanah Bahiyah,Alor Setar,Kedah)
Pulau Pinang	:	En.Anuar b Mohamad Limun (2061) (Hospital Seberang Jaya,Pulau Pinang)
Perak	:	Tn Hj Zainal b Zolkefri (1620) (Klinik Kesihatan Simee,Ipoh)
Selangor	:	Puan Rosnah bt Ahmad (0550) (Hospital Sungai Buluh)
Kuala Lumpur	:	Pn.Zaila bt Mohamad Zahibi (1360) (Hospital Kuala Lumpur)
Putrajaya	:	Pn.Hanisah bt Md.Duraibi (2065) (Hospital Putrajaya)
Melaka	:	Cik Noor Shafizah bt Jaamat (2292) (Bhg. PerkhidmatanFarmasi, JKN Melaka)
Negeri Sembilan	:	En.Rusmizi b Razali (1574) (Klinik Kesihatan Simpang Durian,Negeri Sembilan)
Johor	:	Puan Samidah bt Rahmat (1176) (Hospital Sultanah Aminah,Johor Bahru,Johor)
Pahang	:	Pn.Hjh.NorAkhna bt Musa (1125) (Hospital Muadzam Shah)
Terengganu	:	Pn Maisom bt Hamat (0225) (Hosp.Sultanah NurZahirah K.Trengganu,Trengganu)
Kelantan	:	En.Ridzuan b Seman (0124) (Klinik Kesihatan Kota Bharu,Kelantan)
Sarawak	:	En.Mohd Wajdi b Mokhtar (0658) (Hosp.Umum Sarawak,Sarawak)
Sabah	:	Tn.Haji Yahya b Ahmad (0709) (Klinik Kesihatan Membakut,Sabah)

LAPORAN KEJOHANAN FUTSAL PIALA YDP PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA KALI KE-2 2015

PENDAHULUAN

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia telah menganjurkan Kejohanan Futsal Piala YDP kali ke 2 pada 28 Mac 2015 dengan jayanya. Seperti yang kita sedia maklum, kejohanan ini telah pun diadakan pada 6 Julai 2013 di Ipoh untuk kali yang pertama.

Seperti yang sedia maklum, futsal telah menjadi satu fenomena masyarakat masa kini dan pihak persatuan turut sama merasai suasana tersebut dengan menganjurkan kejohanan ini buat kali keduanya. Kejohanan ini telah diadakan seperti yang terdapat pada butiran di bawah :

Tarikh : 28 Mac 2015 (Sabtu)

Masa : 8.30 pagi – 2.00 petang

Tempat : Gelanggang Futsal Vrox Sport Centre, Bangi, Selangor.

MATLAMAT

Melahirkan seorang Penolong Pegawai Farmasi yang berkualiti daripada segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial.

RASIONAL

Rasional kejohanan ini diadakan adalah supaya dapat menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan Penolong Pegawai Farmasi. Selain itu, program ini dilihat dapat memupuk semangat kerjasama antara Penolong Pegawai Farmasi berganding bahu untuk memastikan kejohanan ini berjalan dengan lancar.

OBJEKTIF

Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kepada semua Penolong Pegawai Farmasi merapatkan talian persaudaraan. Pertandingan ini bertujuan untuk menjadi satu platform kepada semua Penolong Pegawai Farmasi untuk berkenalan antara satu sama lain disamping dapat menghilangkan stress semasa bekerja.

PERLAKSANAAN TINDAKAN

Taklimat Kejohanan

Kejohanan ini menggunakan sistem liga iaitu kesemua pasukan akan bertemu sesama sendiri. Dua pasukan teratas akan berjaya mara ke peringkat akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan, manakala tempat ke-3 dan ke-4, ditentukan dari kedudukan pasukan didalam liga setelah tamatnya kesemua perlawanan. Pegawai bertugas juga telah menunjukkan komitmen yang jitu bagi memastikan kejohanan ini berjalan lancar. Kejohanan ini berakhir pada jam 2 petang.

Sebelum Kejohanan

Sebelum kejohanan bermula, didalam mesyuarat Exco Persatuan, ahli majlis telah merancang beberapa perkara yang perlu di ambil kira bagi memastikan kejohanan ini berjalan lancar. Antaranya ialah melantik ahli jawatankuasa bagi mengelola kejohanan ini.

Dalam mesyuarat tersebut juga pengerusi kejohanan telah dilantik iaitu En Asrul Effendi Jamaludin, dan dibantu oleh En Ahmad Muliadi Abdul Rahman. Setiausaha pula disandang oleh Tuan Haji Abdul Manan Kechik. Manakala Tuan Haji Sulaiman Harun sebagai Bendahari.

Selepas Kejohanan

Tepat jam 2.00 petang, kejohanan ini telah melabuhkan tirainya. Segala penat lelah selama berminggu-minggu merancang agar kejohanan ini berjalan lancar akhirnya termakbul. Kerjasama yang erat antara Jawatankuasa Penganjur, Exco Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia, pegawai-pegawai bertugas dan juga para peserta kejohanan telah menjadikan kejohanan ini telah mencapai objektifnya seperti yang telah dirancang.

SENARAI JAWATANKUASA

Carta Organisasi Jawatankuasa Kejohanan

Penasihat Kejohanan : Puan Samidah Rahmat
Pengarah Kejohanan : En Asrul Effendi Jamaludin
Naib Pengarah Kejohanan : En Ahmad Muliadi Abdul Rahman
Setiausaha Kejohanan : Tn Hj Abdul Manan Kechik
Bendahari Kejohanan : Tn Hj Sulaiman Harun

Senarai Ahli Jawatankuasa.

AJK Protokol dan Sambutan

Puan Hajah Kamsiah Brahim

Puan Nordiana Tajudin

AJK Makanan dan Hadiah Cenderamata

Cik Fauziana Pauzi

AJK Alatan / Persiapan Tempat

En Ahmad Muliadi Abdul Rahman

AJK Teknikal

En Syafiq Taffuddin

En Rahim Akib

SENARAI PASUKAN BERTANDING

Sebanyak 7 pasukan lelaki dan 3 pasukan wanita yang bertanding

KEPUTUSAN KEJOHANAN

PASUKAN LELAKI

TEMPAT PERTAMA : PISHANG FC
TEMPAT KEDUA : ANGAHMAN (HKL)
TEMPAT KETIGA : HOSPITAL SUNGAI BULOH
TEMPAT KEEMPAT : MESBAH FC

PASUKAN WANITA

TEMPAT PERTAMA : DINAMIK (HKL)
TEMPAT KEDUA : HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN
TEMPAT KETIGA : HUKM

PASUKAN LELAKI
ANGAHMAN (HKL)
HOSPITAL SUNGAI BULOH
MESBAH FC
REUNION
PISHANG FC
HOSP RPB
XANAC FC
PASUKAN WANITA
HUKM
DINAMIK (HKL)
HRPB

9.0 PENUTUP

Alhamdulillah, pihak penganjur kejohanan amat bersyukur kerana penganjuran yang dirancang ini telah mencapai objektif dan berjalan dengan lancar. Pihak penganjur juga ingin memohon kemaafan sekiranya terdapat ketidaksempurnaan sepanjang penganjuran. Semoga Allah s.w.t memberkati kami dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung sepanjang menjayakan program ini.

LAPORAN BERGAMBAR KEJOHANAN FUTSAL PIALA UDP PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA 2015



LAPORAN PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI KALI KE-8 2015



PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA KALI KE-8 2015 4-6 SEPTEMBER 2015 HOTEL ROSA PASSADENA, CAMERON HIGHLAND

1. TEMPAT & TARIKH PERSIDANGAN:

Tempat : Hotel Rosa Passadena, Cameron Highland, Pahang.

Tarikh : 4 – 6 September 2015

2. PENGANJUR :

- Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia dengan kerjasama
- Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

3. TEMA:

- Kearifan Kecemerlangan Penolong Pegawai Farmasi.

4. LATARBELAKANG:

4.1 Kehadiran peserta:

- Penolong Pegawai Farmasi yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, Hospital swasta dan lain-lain kementerian sebagaimana berikut:.
- Jumlah bilangan kehadiran : 146 orang
- Jumlah bilangan peserta : 127 orang
- Bilangan peserta kkm : 82 orang
- Bilangan peserta non kkm : 16 orang
- Bilangan peserta swasta : 29 orang
- Bilangan penceramah : 8 orang
- Bilangan tetamu kehormat : 1 orang
- Bilangan urusetia : 10 orang

4.2 Bayaran seorang:

Bayaran untuk setiap peserta adalah sebagaimana berikut:

Perkara	Keahlian	Pendaftaran	Penginapan & Makan	Jumlah
Pendaftaran	Ahli	RM 100	RM 140 x 2 M	RM 380
	Non Ahli	RM 150	= RM 280	RM 430

4.3 Aktiviti-aktiviti Persidangan dan Pengendali/fasilitator yang terlibat:

TARIKH / HARI	PERKARA	PENCERAMAH
04.09.2015	JUMAAT	
2.00pm – 7.00pm	DAFTAR MASUK	
7.00pm – 8.00pm	MAKAN MALAM	
8.00pm – 9.00pm	TAKLIMAT PERSIDANNGAN & ICE – BREAKING	URUSETIA
9.00pm – 10.00pm	1. Membina keterampilan & penampilan unggul	En Mohd Aliff Abdullah PPF Hosp Canselor Tungku Mukhriz
10.00pm	MINUM MALAM	
05.09.2015	SABTU	
6.30am – 7.00am	SENAMAN PAGI	URUSETIA
7.00am – 8.00am	SARAPAN PAGI	
8.00am – 8.15am	PENDAFTARAN PERSIDANGAN	
8.15am – 9.15am	2. Asas Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Dalam Pengendalian Bahan Farmaseutikal Berisiko	Tuan Rosli Tuan Yusof Pegawai Farmasi U54 HUSM
9.30am – 10.30am	3. Cabaran Peranan PPF dalam Pendispensan Methadone	En Mohd Nazri Md Dazali Ketua Penolong Pegarah Kanan Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM
10.30am – 11.00am	KUDAPAN PAGI	
11.00am – 12.00pm	4. Berfikiran kreatif , tingkatkan prestasi kerja	En Affendi Rajini Khan Ketua Pengarah Sumber Manusia Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah
12.00am – 1.00pm	5. Kemahiran Pengurusan Stress	
1.00pm – 2.30pm	REHAT & SOLAT	
2.30pm – 3.30pm	6. Knowlegde sharing on current practices and further initiatives in military hospital	Brigedier Jeneral Dr A Halim Haji Basari Pegarah Farmasi Markas Angkatan Tentera Malaysia Kementerian Pertahanan
3.30pm – 4.30pm	7. Pharmaceutical practices from Islamic perspectives	
4.30pm - 5.00pm	LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE LADANG TEH DAN STRAWBERRY	
5.00pm – 7.45pm	RIADAH	
7.45pm – 10.00pm	Perasmian Persidangan Dr Salmah Bahri Pegarah Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi, KKM	URUSETIA
06.09.2015	AHAD	
7.00am – 8.00am	SARAPAN PAGI	
8.00am – 8.15am	PENDAFTARAN PERSIDANGAN	
8.15am – 9.00am	8. Knowledge sharing on current practices in private hospital - OPD	En Mor Hairmon Mohamed PPF KPJ Johor
9.00am – 10.15am	9. Cabaran dan Profesion PPF masa kini	Tn Hj Abu Bakar Ibrahim Ketua Profesion PPF Malaysia Bahagian Perkhidmatan Farmasi.
10.15am – 10.45am	MAKAN PAGI	
10.45am – 11.15am	Rumusan/Penilaian Persidangan	Urusetia
11.15am – 12.00 pm	Ucapan penutup & Penyampaian Sijil Tn Hj Abu Bakar Ibrahim Ketua Profesion PPF Malaysia Bahagian Perkhidmatan Farmasi	Urusetia
12.00am – 1.00pm	MAKAN TENGAHARI DAN DAFTAR KELUAR	

4.4 Matlamat yang ingin di capai :

- a) Mendedahkan setiap Penolong Pegawai Farmasi kepada amalan kerja berpasukan, mengutamakan kehendak pelanggan dan memahami prinsip-prinsip pelaksanaan berlandaskan integriti, tugas mengikut prosedur dan tatacara jabatan demi memperkasakan Jabatan Farmasi.
- b) Mengamalkan budaya kerja yang tidak tersisih dari arus perkembangan farmasi masakini kepada Penolong Pegawai Farmasi .
- c) Menyediakan Penolong Pegawai Farmasi yang berpengetahuan tinggi sealiran dengan perkembangan farmasi masakini.

4.5 Penubuhan Jawatankuasa:

- PENASIHAT : Tuan Hj.Abu Bakar Ibrahim
- PENGERUSI : Puan Samidah Rahmat
- TIMB.PENGERUSI : Tuan Hj.Abdul Manan Kechik
- SETIAUSAHA : En. Asrul Effendi Jamaludin
- BENDAHARI : Tuan Hj.Sulaiman Harun
- AJK : 1) Tuan Haji Razan Pardi 4) Cik Norsyamira Mohd Radzi
2) Puan Nordiana Tajudin 5) En. Syafiq Tafuddin Hamid
3) Cik Fauziana Pouzi

4.6 Peranan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia:

- Surat menyurat untuk peserta KKM & bukan KKM
- Menyedia dan mengurus tempat kursus, Mengurus peserta dan pembayaran kepada hotel.
- Menyediakan penceramah, Menyediakan penginapan / makan minum peserta,
- Menyedia buku program, Senarai peserta, Sijil dan Cenderahati kepada penceramah dan para peserta.

4.7 Tetamu VIP @ Kehormat:

- Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dr Salmah Bahri , Pengarah Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM pada jam 8.00 malam 5 September 2015.

5. HURAIAN PERSIDANGAN

- Maklumbalas peserta keseluruhannya adalah amat memuaskan dari segi pengurusan jawatankuasa penganjur, ceramah-ceramah yang telah disampaikan dan penginapan/makanan yang selesa dan sedap.

- Walaubagaimana pun, terdapat beberapa cadangan dari peserta untuk penambahbaikan

Persidangan PPF 2015 iaitu :

- * Membuat Persidangan PPF di lokasi yang lain
- * Melanjutkan jangkamasa Persidangan PPF
- * Membuat aktiviti luar (out door)

6. CADANGAN

6.1 Persidangan PPF telah pun diadakan setiap tahun oleh Jawatankuasa Penganjur dari Persatuan PPF Malaysia, selaku Setiausaha Penganjur Persidangan mencadangkan beberapa perkara untuk penambahbaikan penganjuran yang akan datang.

6.2 Cadangan tersebut adalah :

Membuat pendaftaran peserta Persidangan PPF melalui system on-line melalui website persatuan iaitu **www.ppfmy.my**

Penerangan :

- Mudah, maklumat peserta tidak hilang, peserta dapat menyemak status pendaftaran persidangan dengan mudah, dapat mengurangkan penggunaan kertas, memperolehi maklumat yang tepat seperti yang di perlukan, dapat mengenal pasti peserta ahli dan bukan ahli dengan mudah, dapat menguruskan penempatan secara automatik, dapat memberikan segala maklumat yang diperlukan dari sistem tersebut eg. Pendaftaran dan Penyata akaun persatuan dan dokumen-dokumen yang diperlukan dari pihak hotel yang terlibat. Juga bagi kemudahan pengeluaran Invois beserta no siri kepada peserta juga dapat di permudahkan melalui sistem tersebut.

7.PENUTUP

Rumusan Persidangan PPF 2015

– Persidangan Penolong Pegawai Farmasi kali ke-8 2015 telah berjaya dianjurkan dengan cemerlang, gemilang dan terbilang berbanding pada tahun sebelumnya. Segala maklumat, perkongsian pengalaman, motivasi kearah kecemerlangan dan permuafakatan PPF , diharap dapat digunakan dalam menjalankan tugas seharian semasa di PTJ masing-masing. Segala permasalahan yang telah berlaku semasa penganjuran kali ini dapat diselesaikan bersama-sama tanpa menjejaskan perjalanan persidangan pada kali ini. Diharap Persidangan PPF ini dapat diteruskan dengan lebih baik dan sistematik supaya kesemua PPF dapat hadir untuk memperolehi pembelajaran berterusan dan maklumat terkini mengenai PPF di Malaysia ini.

- Ucapan penghargaan tidak terhingga juga di berikan kepada semua Jawatankuasa Penganjur Persidangan pada kali ini, kerana telah memberikan kerjasama yang amat tinggi dalam menjayakan persidangan ini.

Yang melaporkan,

Asrul Effendi Jamaludin

Setiausaha Penganjur Persidangan PPF 2015

LAPORAN BERGAMBAR PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI

FARMASI KALIA KE-8 2015

Ketibaan para peserta & pendaftaran



Taklimat persidangan & Ice Breaking



Taklimat dari penceramah-penceramah



LAPORAN MESYUARAT AGONG DWI-TAHUNAN PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA SESSI 2015-2017

Tempat : Hotel Holiday Villa, Kota Bharu, Kelantan

Tarikh : 9 – 10 Oktober 2015

Asalamualaikum & Salam Sejahtera kepada semua ahli Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia. Dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah Taala, Mesyuarat Agong Dwi Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Malaysia sesi 2015-2017 telah dapat dianjurkan dengan jayanya di Kota Bharu, Kelantan pada 9 – 10 Oktober 2015. Pengerusi Penaja Mesyuarat Agong pada kali ini ialah wakil Persatuan PPFM Negeri Kelantan & HUSM dengan kerjasama Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia.

Mesyuarat Agong Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Sessi 2015-2017 telah diadakan di Hotel Holiday Villa Kota Bharu, dihadiri seramai 85 orang PPF dari seluruh Malaysia. Disamping menghadiri AGM, para peserta yang telah hadir dapat mengambil kesempatan bersama rakan-rakan dan keluarga mereka untuk melancong dan membeli-belah.

Pada mesyuarat agong kali ini, seramai 16 orang PPF dari Semenanjung dan Sarawak telah menghantar borang pencalonan untuk jawatan Ahli Majlis dan 3 orang PPF untuk calon jawatan Juruaudit. Pengisian Mesyuarat Agong kali ini bermula dengan Majlis Makan Malam dan Majlis Perasmian oleh Dr. Salmah Bahri, Pengarah Penguatkuasaan Farmasi, Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM bagi mewakili Ybhg. Dato' Eisah Binti A Rahman, Pengarah Kanan, Perkhidmatan Farmasi KKM. Para hadirin telah dihiburkan dengan persembahan Dikir Barat Kumpulan Sri Sinaran SK Temangan, Machang dan nyanyian oleh En. Wan Zamri Wan Ismail dari HUSM. Sambil menikmati juadah yang telah disediakan, majlis telah diselenggarakan juga dengan acara cabutan bertuah.

Pada keesokan harinya bermulalah Mesyuarat Agong Dwi Tahunan PPPFM sesi 2015 – 2017. Pada pagi 10 Oktober 2015, selepas pendaftaran peserta, mesyuarat dimulakan dengan Ceramah Motivasi oleh Prof. Madya Dr. Irfan Mohamad, Pensyarah / Pakar ORL-HNS, HUSM yang bertajuk **Perkasa Kualiti Diri - Ubah Sebelum Dipaksa** selama 2 jam. Selepas kudapan pagi, mesyuarat dimulakan dengan pembentangan laporan aktiviti PPPFM 2013 – 2015 dan seterusnya Ahli Majlis PPPFM sesi 2013 – 2015 meletakkan jawatan dan Majlis Tertinggi PPPFM dibubarkan. Pada sebelah petang, setelah kiraan undi telah siap dijumlahkan, pengerusi sementara AGM Haji Rozali Jaafar PPF dari Hosp. Raja Perempuan Zainab 2 telah menjemput Puan Juriah Wakidi untuk membacakan hasil kiraan undi.

Kepada yang tidak terpilih tak semestinya kalah, ada banyah hikmah yang tersembunyi, manakala yang menang pula tak perlu bermegah kerana banyak tugas serta tanggungjawab perlu digalas dan dilaksanakan. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Urusetia, Penaja Ahli Majlis PPPFM dan semua ahli Persatuan PPFM yang telah memberi mandat kepada Persatuan PPF Negeri Kelantan & HUSM untuk menjayakan Mesyuarat Agong pada kali ini. Mesyuarat Agong Persatuan Penolong Pegawai Farmasi sesi 2015-2017 ditangguhkan sehingga ke Mesyuarat Agong Dwi Tahunan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia yang akan datang.

Sekian

Disediakan oleh:

Setiausaha,

Jawatankuasa Penganjur

Mesyuarat Agong PPPFM 2015 – 2017, Kota Bharu, Kelantan.

**KEPUTUSAN PEMILIHAN AHLI MAJLIS
SESI 2015-2017**

NO	NAMA CALON
1	ASRUL EFFENDI JAMALUDIN
2	HJ SULAIMAN HARUN
3	MOHD RAZAN PARDI
4	MHD HASSAN ZAINI
5	SAMIDAH RAHMAT
6	SUHAIMI ESA
7	HJ ABDUL MANAN KECHIK
8	NORDIANA TAJUDIN
9	ROSTAH MUHAMMAD
10	SITI HANISAH
11	LEONG CHEK CHEONG
12	JANITA TAKSIAH JINAN TAIB
13	MOHD HAFIEZ HASSAN
14	HJ HAMID MEJENIN
15	ZAINAL ZOLKEFRI
16	GANESAN A/L G.NARAYANAN

**No 1 – 10 telah terpilih sebagai Ahli Majlis
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Sessi 2015-2017**

**KEPUTUSAN PEMILIHAN JURUAUDIT
SESI 2015-2017**

NO CALON	NAMA CALON
17	AHMAD SHUKRI PUTEH
18	LEONG CHEK CHEONG
19	MUNIZA MURAD

**No 17 & 18 telah terpilih sebagai Juru Audit
Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Sessi 2015-2017**

**LAPORAN BERGAMBAR MESYUARAT AGONG DUA-TAHAPAN
SESSY 2015-2017**

Malam perasmian mesyuarat agong persatuan



MESYUARAT AGONG PERSATUAN PERSATUAN PPFM SESSI 2015 - 2017



LAPORAN MAJLIS MALAM MESRA PENOLONG PEGAWAI FARMASI NEGERI MELAKA 2015

1. TEMPAT & TARIKH

Tempat: Hadramawt Palace Hall, Bukit Baru, Melaka

Tarikh : 19 Disember 2015

2. PENGANJUR

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia Negeri Melaka dengan kerjasama Kesatuan Kebangsaan Penolong Pegawai Farmasi Kerajaan Semenanjung Malaysia Negeri Melaka

3. LATAR BELAKANG

3.1. Kehadiran peserta

Penolong Pegawai Farmasi (PPF) yang berkhidmat di negeri Melaka, pelatih PPF Hospital Melaka, pesara PPF Negeri Melaka, tetamu kehormat dan ahli keluarga sebagaimana berikut;

Jumlah kehadiran: 60 orang

Jumlah peserta: 55 orang

Bilangan PPF Negeri Melaka: 20 orang

Bilangan Pesara PPF Melaka 2015: 5 orang

Bilangan tetamu kehormat: 4 orang

Bilangan Pegawai Farmasi: 1 orang

Bilangan Pembantu Perawatan Kesihatan: 2 orang

Bilangan Pelatih PPF: 5 orang

Bilangan ahli keluarga: 18 orang

Bilangan urusetia: 5 orang

3.2. Bayaran

RM 40.00 – Ahli PPPFM / KKPPFKSM

RM 50.00 – Bukan Ahli

RM 20.00 – Setiap PPF Negeri Melaka (untuk cendera kenagan Pesara PPF dan Hadiah Cabutan Bertuah)

3.3. Matlamat yang ingin dicapai

- a) Memberi peluang untuk berkenalan antara satu sama lain dan merapatkan lagi silaturrahim sesama PPF Negeri Melaka.
- b) Meraikan Pesara PPF Melaka 2015
- c) Membina proses sosialisasi, keyakinan diri dan memberi motivasi kepada PPF untuk menganjurkan program seperti ini.

3.4. Penubuhan Jawatankuasa

Penasihat : Tuan Hj Anhar Shar Fudin
Pengerusi : Rosnah Muhammad
Naib Pengerusi: Tuan Hj Nurul 'Azam Hassan
Setiausaha : Noor Shafizah Jaamat
Bendahari : Norsiaty Mohd Yasin
AJK : Zaini Mohd Said
Sarilah Lasim
Nur Deliana Whid
Nur Hidayah Musa
Azrina Hashim
Mohd Hazman Nor Idi

3.5. Tetamu Kehormat

Majlis ini telah dihadiri oleh 4 orang tetamu kehormat iaitu:

Tn. Hj. Anhar Shari Fudin - Bendahari KKPPFKSM
Pn. Samidah Rahmat - Yang Dipertua PPPFM
Tn, Hj. Mohd Razan Pardi - Setiausaha Kehormat PPPFM
Tn Hj. Rasli Othman - Clinical Instructor Kolej MiCost Melaka

3.6. Aktiviti

Masa	Program
7.30 malam	Pendaftaran
8.30 malam	Ketibaan Tetamu Jemputan
8.45 malam	Bacaan Doa Ucapan Aluan : - Pengerusi JK Penganjur - Ketua Profesion PPF Negeri Melaka
9.00 malam	Jamuan makan Malam Mesra PPF Melaka Slot Khas Pesara PPF Tahun 2015 Persembahan pelatih PPF Cabutan bertuah
11.30 malam	Majlis Penutup / Bersurai

4. HURAIAN

- Maklumbalas peserta secara keseluruhannya amatlah memuaskan dari segi JK Penganjur, persembahan yang menghiburkan, pemilihan tempat yang menarik dan hidangan yang lazat.
- Walaubagaimanapun terdapat cadangan daripada peserta untuk menambahbaik program ini di masa akan datang iaitu:
 - Membuat program sebegini di hotel
 - Menjadikan program ini sebagai acara tahunan

5. PENUTUP

5.1. Rumusan program Malam Mesra Penolong Pegawai Farmasi Melaka 2015

Malam Mesra Penolong Pegawai Farmasi Melaka 2015 telah berjaya dianjurkan buat julung kalinya dengan meriah dan dapat mencapai objektif yang disasarkan. Segala perkongsian maklumat, pengalaman dan motivasi ke arah kecemerlangan dan permuafakatan PPF, diharap dapat digunakan dalam menjalankan tugas seharian di tempat masing-masing.

Segala cabaran yang dihadapi dalam menganjurkan program ini dapat diharungi dengan baik hasil kerjasama dan sokongan semua pihak. Diharap program seperti ini dapat diteruskan dari semasa ke semasa dengan lebih baik supaya lebih ramai PPF dapat menghadirkan diri dan menimba pelbagai pengalaman dalam penganjuran program seperti ini.

5.2. Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua Jawatankuasa Penganjur dan semua PPF negeri Melaka yang telah memberikan kerjasama dan sokongan padu sehingga berjayanya program ini. Penghargaan ini juga diberikan kepada Pegawai atasan yang turut memberikan sokongan dalam penganjuran program ini.

Yang melaporkan,
Noor Shafizah Jaamat
Setiausaha
JK Malam Mesra PPF Melaka 2015

LAPORAN BERGAMBAR MALAM MESRA PENOLONG PEGAWAI FARMASI MELAKA 2016



*UCAPAN ALU-ALUAN OLEH TUAN HJ ANHAR,
PENASIHAT JK PENGANJUR MERANGKAP
WAKIL KKPPKSM*

LAPORAN BERGAMBAR MALAM MESRA
PENOLONG PEKAWAN FARMASI MELAKA
2016



**LAPORAN PROGRAM SEHARI PPF PPIUM
BERSAMA
AHLI MAJLIS TERTINGGI
PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA**

1. TEMPAT & TARIKH KEJOHANAN:

Tarikh : 13/03/2016 (AHAD)

Tempat : Pusat Perubatan Universiti Malaya

2. PENGANJUR : Jabatan Farmasi Pusat Perubatan Universiti Malaya

3. TUJUAN

- Kemukakan cadangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan.
- Membangkitkan halatuju semasa tentang pelaksanaan aktiviti persatuan.

4. OBJEKTIF

- Memberi pendedahkan kepada Penolong Pegawai Farmasi (PPF) terutama dari sektor swasta dan badan berkanun kepada persatuan PPF Malaysia.
- Menjawab sebarang persoalan berkaitan dengan Persatuan Penolong Pegawai Farmasi (PPFM)
- Meningkatkan penglibatan ppf dalam aktiviti Persatuan penolong Pegawai Farmasi Malaysia
- Menambah keahlian serta mengetahui kelebihan ahli ppfm dalam persatuan.
- Merapatkan hubungan sesama Penolong Pegawai Farmasi

5. SASARAN PESERTA

Sasaran penyertaan sebanyak 50 sehingga 100 orang.

Ppf hosp swasta Selangor / Wilayah Persekutuan

Ppf badan berkanun

6. AHLI JAWATANKUASA MAJLIS :-

Penasihat : Puan Janita Taksiah bt Jinan Taib

Pengerusi : Encik Mohd Fikhri bin Abdullah

Setiausaha : Enciki Muhammad Normuhib bin MohdAfandi

Pen. Setiausaha : Cik Nur Syamsiyah Binti Karim

Bendahari : Puan Nur Hafizah binti Othman

Pen. Bendahari : Cik Gursharan Sandhu

7. PENCERAMAH/ TETAMU

Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia

8. AKTIVITI PROGRAM

8.00am - 8.30am : Pendaftaran peserta & Bacaan Doa

8.30am - 9.45am : Ucapan alu-aluan Pengerusi program.

9.45am -10.15am : Sarapan Pagi

10.15am-10.45am : Ceramah (Ahli Majlis Tertinggi PPPFM)

10.45am-11.45am : Bualbicara AMT PPPFM bersama PPF BADAN BERKANUN DAN SWASTA

11.45am-12.00pm : Acara Penutup

12.00pm – 1.00pm : Bersurai *Cabutan Bertuah *Makan Tengahari

PENCAPAIAN.

Terdapat beberapa aturcara /acara yang perlu penambahbaikan, antaranya saya huraikan dalam post mortem dibawah.

MASALAH	KOMEN	PENAMBAHBAIKAN
Pendaftaran peserta	1. Pra pendaftaran peserta berserta bayaran penuh adalah seramai 25 orang 2. Semasa majlis berlangsung hanya 19 orang yang hadir	1. Hadiah bagi 'early bird' mungkin akan membantu mempromosikan acara tersebut. 2. 'Doorgift' yang diberikan sebagai tanda terima kasih kerana hadir pada hari tersebut
Jumlah peserta yang tidak memberangsangkan	1.Hanya staf yang berkelapangan sahaja hadir. 2. Tarikh yang jatuh pada cuti sekolah menyebabkan ramai staf yang telah mempunyai program sendiri	1.Promosi lebih hebat secara online atau off line 2.Menjalinkan rangkaian hubungan dengan hospital lain atau antara pelajar 3.Tarikh yang dipilih perlulah dinilai dari segi cuti sekolah, cuti perayaan dan sebagainya.
Sebaran Program	Flyer/ borang pendaftaran tidak dapat disebarkan ke sasaran	1.Memperbanyakkan maklumat dan jalinan persahabatan untuk dihubungi. 2.Banyakkan pendedahan kepada aktiviti dan program luar
Aturcara majlis	Pengacara majlis yang dilantik tidak dapat menghadirkan diri pada saat-saat akhir. Oleh itu salah seorang AJK menjadi pengacara bidan terjun .	1. Pengacara majlis perlulah dipilih lebih dari seorang . 2. Teks ucapan perlulah disediakan sebelum acara. 3. Latih lebih ramai AJK menjadi pengacara majlis.
Jamuan	Penyaji makanan yang dilantik menepati masa dan tempahan yang dibincangkan sebelum ini	Kekalkan penyaji makanan tersebut
Aktiviti	Aktiviti yang kurang menarik perhatian walaupun cabutan bertuah diadakan.	Kekangan bajet menyebabkan usaha mempromosikan acara tidak mendapat sambutan.

RUMUSAN PROGRAM

Program ini adalah platform pertama bagi kami di PPUM dalam mengendalikan aktiviti luaran selain tugas harian. Kekurangan pengalaman serta jaringan hubungan luar sedikit sebanyak memberikan kesan kepada program yang dilaksanakan. Segala kekurangan dan kelemahan yang perlu ditimbang dan dibaiki untuk aktiviti akan datang. Perkongsian ilmu , pendapat serta pandangan kami terima sepenuh hati dalam menjayakan profesion dan membuka minda peserta. Segala kerjasama yang diberikan oleh AJK dalam menjayakan sesuatu aktiviti sangat membanggakan dan saya amat berterima kasih kepada mereka. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kelapangan waktu dari Wakil Ahli Majlis Tertinggi Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia dan En Koh yang sudi hadir .

Akhirkata saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan AJK yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak dalam menjayakan program pertama ini.

Yang baik datangnya dari Allah, yang buruk dan tidak sempurna datangnya dari saya hambaNYA

Disediakan oleh
JANITA TAKSIAH BT JINAN TAIB
WAKIL PPF
Pusat Perubatan Universiti Malaya



**LAPORAN BERGAMBAR
PROGRAM SEHARI PPT PPDM
BERSAMA
AHLI MAJLIS TERTINGGI
PERSATUAN PENOLONG
PEGAUWAI FARMASI MALAYSIA**



LAPORAN KEJOHANAN TENPIN BOWLING PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA 2016

1. TEMPAT & TARIKH KEJOHANAN:

Tempat : The Mines Bowling Centre, Mines Shopping Fair , Selangor

Tarikh : 19 Mac 2016 (Sabtu)

2. PENGANJUR : Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia

3. LATARBELAKANG:

3.1 Kehadiran peserta:

Penolong Pegawai Farmasi yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan Malaysia, Hospital Universiti, Hospital swasta dan lain-lain kementerian seramai 44 orang.

3.2 Bayaran sepasukan & Hadiah Kejohanan :

Bayaran untuk setiap pasukan adalah sebagaimana berikut : RM 150/ sepasukan

Hadiah : Piala Pusingan Kejohanan, Medal, Wang Tunai dan hamper.

3.3 Matlamat yang ingin di capai :

a) Matlamat program ini adalah untuk memberi peluang kepada semua PPF merapatkan talian persaudaraan. Pertandingan ini bertujuan untuk menjadi satu platform kepada semua PPF untuk berkenalan antara satu sama lain disamping dapat menghilangkan stress semasa bekerja.

b) Aktiviti seperti ini juga dapat membina proses sosialisasi, keyakinan diri dan motivasi kepada mereka. Pertandingan dalam kejohanan ini bukan semata-mata mencari siapa pemenang tetapi memberikan ruang kepada semua PPF untuk berinteraksi sesama mereka, menilai pengurusan diri dan keupayan mereka dalam sukan.

4. PENUBUHAN JAWATANKUASA:

PENASIHAT	: Puan Samidah Rahmat
PENGERUSI	: Tuan Hj.Abdul Manan Kechik
TIMB.PENGERUSI	: Puan Hajah Rosnah Muhammad
SETIAUSAHA	: En. Asrul Effendi Jamaludin
BENDAHARI	: Tuan Hj.Sulaiman Harun
AJK	: 1) En. Syafiq Tafuddin Hamid 2) Cik Fauziana Pouzi 3) Cik Faiza Abu Bakar

5. TETAMU VIP @ KEHORMAT:

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh **Tuan Hj.Abdul Manan Kechik**, Naib Yang Dipertua, Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia pada jam 9.30 pagi 19 Mac 2016 (Sabtu).

6. ATUCARA KEJOHANAN :

MASA	PERKARA
9.00 am – 9.30 am	DAFTAR MASUK
9.30 am – 10.00am	- UCAPAN PENERUSI PENGANJUR - UCAPAN PERASMIAN & MAJLIS PERASMIAN
10.00 am – 12.30 pm	KEJOHANAN BERMULA
12.30 pm – 1.00 pm	MAJLIS PENUTUP & PENYAMPAIAN HADIAH
1.00 pm	BERSURAI

5. HURAIAN KEJOHANAN

Kejohanan dibuka pada pukul 9.00 pagi dengan membuka sesi pendaftaran peserta kejohanan. Kejohanan Tenpin Bowling PPF 2016 pada kali ini menyasarkan minimum sebanyak 15 pasukan yang bertanding, walaubagaimana pun hanya sebanyak 11 pasukan atau 44 orang sahaja yang dapat turut serta. Ia adalah disebabkan oleh pembatalan penyertaan pada saat-saat akhir kejohanan. Kejohanan ini juga telah diserikan dengan kehadiran Timbalan Ketua Profesion PPF iaitu Turut Puan Faridah Saidi PPF U40 Hospital Serdang yang hadir bagi memberi sokongan kepada pasukan-pasukan dari negeri Selangor.

Pada pukul 9.30 pagi , upacara perasmian telah dijalankan dengan dimulakan ucapan pengerusi penganjur daripada Tuan Haji Abdul Manan dan seterusnya beliau telah membuat 1 lontaran perasmian kejohanan. Pukul 10.00 pagi kejohanan telah dimulakan, setiap pasukan yang terdiri daripada PPF dan juga PF dari KKM dan Non-KKM telah memberi saingan yang sengit diantara satu sama lain. Pelbagai gelagat peserta dapat diperhatikan samaada semasa 'strike' semua ataupun semasa bola masuk longkang. Pada kejohanan kali ini juga , pasukan juara bertahan iaitu pasukan HUKM telah mendapati saingan sengit oleh beberapa pasukan yang lain sehingga ke lontaran terakhir.

Pada pukul 12.30 tengahari , upacara penyampaian hadiah telah dijalankan, setelah kesemua markah-markah dikira maka, senarai pemenang juga telah diketahui. Majlis penyampaian hadiah dan majlis penutupan kejohanan telah disempurnakan oleh tuan haji Abdul Manan.

Maklumbalas peserta keseluruhannya adalah amat memuaskan dari segi bilangan penyertaan peserta, pengurusan penganjur, masa dan tempoh masa kejohanan, hadiah-hadiah yang telah ditawarkan, dan tempat dimana kejohanan di anjurkan.

Berikut merupakan keputusan Kejohanan Tenpin Bowling PPF 2016 pada kali ini.

PEMENANG-PEMENANG BAGI KATEGORI BERKUMPULAN

Pertama : Kumpulan HCTM2 (HUKM) – **1796 pin**

Rapimas

Saiful Nizam

Shafiq Tafuddin

Siti Hawa

Kedua : Kumpulan HUSM (HUSM) – **1705 pin**

Suhaimi

Norlizam

Tuan Haji Shawal

Lau Swee Gim

Ketiga : Kumpulan HSAJB – **1697 pin**

Saiful

Amirul

Abdul Wahid

Tengku Nora

PEMENANG-PEMENANG BAGI KATEGORI INDIVIDU

Pemain Lelaki Terbaik – Tuan Haji Shawal (HUSM) – **581 pin**

Pemain Wanita Terbaik – Woo Mei Mei (PPUM) – **457 pin**

6. CADANGAN

6.1 Beberapa perkara yang perlu ditambah baik untuk kejohanan di masa akan datang iaitu :

6.2 Membuat promosi lebih awal lagi bagi menarik lebih banyak penyertaan dan memberi peluang kepada PPF untuk merancang tarikh dan masa perjalanan

6.3 Menyediakan resit dan sijil penyertaan bagi para peserta.

7.PENUTUP

- Rumusan Kejohanan Bowling PPF 2016
- Semua objektif kejohanan telah berjaya dicapai.
- Kejohanan Bowling PPF 2016 telah berjaya dianjurkan dengan baik dan lancar. Semoga dengan hasrat yang suci ini, dapat membantu PPF membina keyakinan diri dan masa depan yang lebih baik.
- Ucapan penghargaan tidak terhingga juga di berikan kepada semua Jawatankuasa Penganjur Kejohanan , Semua Ahli Majlis Persatuan PPF Malaysia dan semua PPF yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan kejohanan bowling pada kali ini, kerana telah memberikan kerjasama yang amat tinggi dalam menjayakan kejohanan ini.

Laporan disediakan oleh,
Asrul Effendi Jamaludin
Setiausaha Kejohanan Bowling PPF 2016

GAMBAR MAJLIS PERASMIAN



LAPORAN BERGAMBAR KEJOHANAN TENPIN BOLLING





LAPORAN PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI KALI KE-9 2016

1. PENDAHULUAN:

Persidangan kali ini ialah yang kali ke sembilan. Pada persidangan ini pihak urusetia telah mensasarkan penyertaan seramai 180 orang (100 orang Penolong Pegawai Farmasi dari hospital Kementerian Kesihatan Malaysia dan 80 orang dari hospital bukan KKM).

- Tarikh persidangan : 15 – 17 April 2016
- Tempat : Hotel Rosa Passadena, Cameron Highlands, Pahang

2. TEMA DAN OBJEKTIF KURSUS:

TEMA:

- Kearah Kecemerlangan Profesion Penolong Pegawai Farmasi.

OBJEKTIF:

- Mendedahkan setiap peserta kepada amalan kepentingan kerja berpasukan.
- Mewujudkan budaya kerja yang tidak tersisih dari arus perkebangkan farmasi masakini.
- Menyediakan Penolong Pegawai Farmasi yang berpengetahuan tinggi sealiran dengan perkembangan farmasi terkini.

ANJURAN : Persatuan Penolong Pegawai Farmasi dengan kerjasama Bahagian Perkhidmatan Farmasi Kebangsaan

JAWATANKUASA PENGANJUR:

Penasihat 1

Tuan Hj. Abu Bakar Ibrahim
Ketua Profesion PPF
Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM

Penasihat 2

Puan Samidah Rahmat
Yang DiPertua PPPFM / Penolong Pegawai Farmasi U40 HTAA Johor Bahru

Pengerusi

Hj. Abdul Manan Kechik
Naib Yang DiPertua PPPFM / Ketua Jabatan Farmasi Kolej Islam Sains & Teknologi, Bachok

Timbalan Pengerusi

En. Mhd. Hassan Zaini Shafie
Ketua Biro Pendidikan PPPFM / Penolong Peg. Farmasi U38 Hosp. Tengku Fauziah, Kangar.

Setiausaha

En. Suhaimi Esa
Ahli Majlis PPPFM / Penolong Pegawai Farmasi U32 Hospital USM, Kubang Kerian.

Bendahari

Hj. Sulaiman Harun
Bendahari Kehormat PPPFM / Pesara Penolong Pegawai Farmasi U36, Kelantan.

AJK - Pendaftaran

Puan Fauziah Ishak
Penolong Pegawai Farmasi U32
Hospital USM Kubang Kerian,

Cik Masliza Mat Daud
Penolong Pegawai Farmasi U29
Hospital USM Kubang Kerian

AJK Protokol & Sambutan

Puan Juriah Wakidi
Penolong Pegawai Farmasi U38
Bhg. Perkhidmatan Farmasi KKM,

Puan Lau Swee Gim
Penolong Pegawai Farmasi U36
Hospital USM Kubang Kerian

AJK - Teknikal

Puan Huzira Hussin
Penolong Pegawai Farmasi U32
Hospital USM Kubang Kerian,

En.Norlizam Norman
Penolong Pegawai Farmasi U29
Hospital USM Kubang Kerian,

PENYERTAAN:

Penyertaan pada kali ini amat mendukacitakan urusetia kerana dari 180 penyertaan yang disasarkan hanya 89 orang yang hadir. 62 orang dari hospital bukan KKM dan 27 orang dari hospital KKM.

Setiap penyertaan dikenakan bayaran pekej sebanyak RM 140.00 sehari x 2 hari = RM 280.00 dan bayaran pendaftaran sebanyak RM 100.00. Jumlah bayaran = RM 380.00.

PEMBAYARAN

Kesemua bayaran penyertaan ditanggung oleh PTJ / Institusi masing-masing kecuali seorang peserta dari setiap negeri **Perak***, **Perlis*** dan **Terengganu*** yang membayar dengan perbelanjaan sendiri. Peserta terbut ialah:

Hj.Mohd Faiz Nor Zaman – Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak
Hj.Rahmat Amin – Hospital Tengku Fauziah, Kangar, Perlis
Wan Mohd Nazeri – Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu, Terengganu.

PERJALANAN PERSIDANGAN

Pada sesi suaikenal (Ice breaking) ianya dimulakan dengan pengenalan diri oleh Ahli Jawatankuasa Penganjur diikuti dengan pengenalan diri oleh semua peserta. Selepas itu disusuli dengan pemilihan penghulu dan penghuluwati persidangan sebagaimana berikut:

PENGHULU : Haji Mohd Faiz Nor Zaman
PPF U32 Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

PENGHULUWATI : Nik Azrini Mohamed
PPF Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan,
Kuala Lumpur.

Selepas pemilihan penghulu dan penghuluwati, peserta dibahagikan kepada 7 kumpulan bertujuan setiap kumpulan diberikan tugas untuk membuat rumusan pada topik yang dibentangkan oleh penceramah sebagaimana berikut:

NAMA KUMPULAN	KETUA KUMPULAN	TAJUK CERAMAH YANG AKAN DIRUMUSKAN
Kumpulan 1	Muzahedeem Man KPJ Johor Sp.Hospital	Pengenalan kpd Radiofarmasi
Kumpulan 2	Khairul Mubin Zainudin KPJ Johor Sp.Hospital	Research: Savvy Pharmacy Assistants
Kumpulan 3	Ahmad Syafiq Mohd Hassan IJN, Kuala Lumpur	Pengurusan Stress
Kumpulan 4	Kaamanisha a/p Govindasany Pantai Hospital, Pulau Pinang	Berfikiran Kreatif & Tingkatkan Prestasi Kerja
Kumpulan 5	Norammil Amin Mohd Sazali Jabatan Penjara Malaysia	Mentaliti Kelas Pertama
Kumpulan 6	Belton Egedius Sipau Hospital Keningau	Traditional & Complimentary Medicine: A Role of PPF
Kumpulan 7	Brendon Daniel Jabatan Penjara Malaysia	Cabaran Profesion PPF masakini.

PENCERAMAH

Ceramah telah disampaikan oleh penceramah jemputan sebagaimana berikut:

TARIKH/MASA	PENCERAMAH	TAJUK CERAMAH
16.4.2016 8.15 – 9.15 am	Cik Suriana Mohd.Yusoff Pegawai Farmasi U52 Hospital USM, Kubang Kerian	Pengenalan kepada Radiofarmaseutikal
16.4.2016 9.15 -10.30 am	Puan Zalina Zahari Pegawai Farmasi U54 Hospital USM,Kubang Kerian	Research-Savvy Pharmacy Assistants
16.4.2016 11.15 – 12.45 pm	En.Effendi Rajni Khan KPP (Sumber Manusia) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah	Pengurusan Stress
16.4.2016 2.00 – 3.30 pm	En.Effendi Rajni Khan KPP (Sumber Manusia) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah	Berfikiran Kreatif & Tingkatkan Prestasi Kerja
16.4.2016 3.30 – 5.00 pm	* En.Effendi Rajni Khan KPP (Sumber Manusia) Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah	Mentaliti Kelas Pertama
17.4.2016 8.15 – 9.45 am	Prof.Madya Saad Othman Pensyarah Pusat Pengajian Sains Farmasi, USM, P.Pinang	Traditional & Complimentary Medicine: A Role of PPF
17.4.2016 9.45 – 10.45 am	Hj.Abu Bakar Ibrahim Ketua Profesion PPF Bhg.Perkhidmatan Farmasi	Cabaran dan Profesion PPF masakini.

Penceramah asal adalah Dr.Tham Wai Seng,Pakar O & G Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh (Tajuk ceramah: Inferterlity: What A Couple Should Know) tidak dapat hadir kerana kematian bapanya pada 15.4.2016.

MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PERASMIAN DAN MAJLIS PENUTUP PERSIDANGAN

Majlis makan malam sempena perasmian persidangan telah diadakan pada jam 7.45 – 11.00pm 16.4.2016. Perasmian persidangan telah disempurnakan oleh Yang Berusaha Dr. Ramli Zainal, Pengarah Bhg.Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, Bhg. Perkhidmatan Farmasi KKM mewakili Pengarah Kanan Bhg.Perkhidmatan Farmasi KKM yang tidak dapat hadir kerana sesuatu sebab yang tidak dapat dielakkan.Majlis makan malam dan peresmian dimeriahkan dengan cabutan bertuah,hadiah misteri dan nyanyian dari peserta persidangan. Majlis penutup persidangan dan penyampaian sijil kepada peserta dan urusetia disempurnakan oleh Tuan Hj.Abu Bakar Ibrahim, Ketua Profesion PPF, Bhg.perkhidmatan Farmasi KKM pada jam 11.15 – 12.30pm 17.4.2016.

PENILAIAN PESERTA TERHADAP PENGURUSAN PERSIDANGAN:

Keseluruhannya peserta amat berpuashati dengan pengurusan persidangan sama ada dari segi kandungan ceramah atau pun perjalanan persidangan. Berdasarkan pada borang penilaian, hamper 98% memberikan markah tertinggi terhadap pengurusan persidangan dengan komen yang memberasangkan. Peserta berharap persidangan seperti ini diadakan pada setiap tahun dengan penyertaan yang lebih ramai lagi. Peserta juga mencadangkan tempoh persidangan dipanjangkan kepada 4 hari 3 malam agar jadual tidak begitu padat dan diselitkan dengan lawatan disekitar Cameron Highland pada sesi petang.

Kesimpulannya persidangan ini telah berlangsung dengan jayanya dengan kerjasama antara peserta, penceramah dan urusetia. Harapan kami penganjur adalah supaya ilmu, pandangan dan pengalaman yang diperolehi pada persidangan ini akan dapat dimanfaatkan pada masa yang mendatang bagi memertabatkan profesion PPF yang kita sayangi ini tidak kira samada di hospital KKM atupun bukan KKM.

PENGHARGAAN:

Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM kerana merestui dan sokongan kepada persidangan ini. Terima kasih juga kepada Tuan Hj.Abu Bakar Ibrahim, Ketua Profesion PPF kerana bimbingan dan sumbangan terhadap kejayaan persidangan ini.

Atas kesedaran ini Persatuan Penolong Pegawai Farmasi Malaysia akan terus bekerjasama dengan Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM dalam usaha melengkapkan setiap ahli persatuan ini dengan ilmu pengetahuan terkini dengan harapan prestasi kerjaya yang lebih cemerlang dan terbilang.

DISEDIAKAN OLEH:

Urusetia Persidangan PPF 2016.

LAPORAN BERGAMBAR PERSIDANGAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI KALI KE-9 2016



**LAPORAN BERGAMBAR
PERSIDANGAN PEMOLONG PEKERJA FARMASI KALI KE-9 2016**



OSTEOPOROSIS AND ARTHRITIS, JOINT AND BONE HEALTH

Osteoporosis and arthritis are the common among people nowadays. Bones are very important for a human body and are responsible for one's skeletal system. Besides providing support and structure to the body, the bones protect vital organs throughout the body such as the lungs and heart. In addition bones are the center bones for blood cells production and are responsible for the regulation of calcium levels. Therefore it is important to maintain a healthy bone density.

Osteoporosis literally means porous bone which is a condition where a person's bones gradually become more fragile due to the loss of bone composition. A person's bone grow during childhood and adolescence and reach peak bones mass around the age of 30. Then the bones gradually loosen as one ages. This is because the bones are constantly undergoing the remodeling process where certain areas of the bones are removed and replaced with new bones. As one ages the bones resorbed process slows down causing a gradual decline in bone mass.

Women lose bone mass tremendously after menopause because the ovaries stop producing the female sex hormone, estrogen. This hormone reduces the bone resorption rate and the lack of estrogen reduces bone density. As for men they have higher peak bone mass initially and do not undergo menopause thus reducing their risk of osteoporosis. What are the symptoms of osteoporosis? Osteoporosis is a silent disease. A person would not realize until she breaks her bone as a result of even a small bump or fall. Besides that if the bones in the spine get weaker, the spine starts to curve making one shorter. Some might even experience persistent pain in the spine of the lower back, cramps at night and fatigue easily.

In order to prevent the osteoporosis disease consuming adequate amounts of calcium and vitamin D since young is essential to achieve peak bone mass and maintaining strong bones throughout the years. This is because calcium is the building blocks of the bones. There are many types of calcium source. By taking Magnesium, vitamin D and zinc along with calcium enhances the absorption due to synergistic action. Get at least 800mg-1000mg of calcium and 200 IU-400 IU of vitamin D daily. Ensure calcium rich foods are consumed every day.

Besides the bone, the joints are also important for one's mobility. Osteoarthritis (OA) or simply defined as joint failure has become a common disease among the elderly.


The exact cause of this disease is not known but people who are older or overweight are more prone to knee OA. OA can also be developed secondary to an injury or illness such as injury due to sports activity or rheumatoid arthritis (RA) inflamed joints. Women tend to get it earlier and for them it is usually more severe compared to men. This is because women's hips are wider than their knees (women's knees are not aligned as straight as men) which leads to pressure exerted on the knees. Besides that it may also be due to hormonal changes in women and more joint movements in women during pregnancy.

Joints are very important to protect one from mobility disturbances. A joint is where 2 bones meet and is supported by muscles, tendons and ligaments. Every end of a bone is covered with cartilage which acts as a smooth slippery surface to allow the bone to move around with very little frictions. As one ages the amounts of cartilage in the body gradually reduce.

The wear and tear of joints due to daily activity, injury, aging, obesity and repetitive motion stresses the joints. And causes the cartilage to wear down, resulting in joint pain. This is due to the exposure of the underlying bone surface to direct pressure, damaging the supporting ligaments and weakening the muscles. Thus essential nutrients are needed to nourish the cartilage to stay strong and flexible. With the right nutritional support osteoarthritis patients can rebuild their worn out cartilage, easing their movements.

Glucosamine and chondroitin are two clinically proven nutritional compounds that help to relieve joint pain, rebuild cartilage and improved joint flexibility. Glucosamine is a compound naturally found in human's cartilage and function to repair and stimulate the growth of new cartilage. As for chondroitin it is another compound found in joint cartilage that acts like a water magnet to attract fluid to lubricate the joints. In addition chondroitin inhibits the enzymes from breaking the cartilage. Hence the combination of glucosamine and chondroitin provide synergistic effects that aid in relieving joint pains.

By SHMS





PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI FARMASI MALAYSIA

No Pendaftaran : 1717
BORANG KEAHLIAN

No Keahlian

--

KENYATAAN PERIBADI:

NAMA PENUH (Mengikut butiran kad pengenalan)

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

NO. KAD PENGENALAN KP. BARU
 KP LAMA
 JANTNA : LELAKI PEREMPUAN

TARIKH LAHIR
 UMUR WARGANEGARA : MALAYSIA
 AGAMA
 BUKAN WARGANEGARA

KETURUNAN : MELAYU CINA INDIA LAIN

ALAMAT SURAT MENYURAT

POSKOD NO TEL RUMAH/H.PHONE PEJABAT

AKADEMIK : SPM/MCE DIPLOMA IJAZAH ALAMAT e-mail

ALAMAT TEMPAT KERJA

POSKOD MAJIKAN

KATEGORI KEAHLIAN YANG DIPOHON : AHLI AHLI AHLI
 SEUMUR HIDUP BIASA BERSEKUTU

Saya mengaku bahawa segala keterangan di atas adalah benar. Sekiranya permohonan ini diluluskan, saya berjanji akan mematuhi segala undang-undang, peraturan dan perlembagaan persatuan ini dan bersetuju menyokong dengan aktif didalam setiap aktiviti persatuan.

Tarikh : Tandatangan :

RUANGAN SEKRETARIAT

Adalah dengan ini disahkan keahlian :
 Seumur Hidup / Ahli Biasa / Ahli Bersekutu diluluskan oleh MAJLIS bermula
 dengan nombor keahlian

YANG DIPERTUA

SETIAUSAHA KEHORMAT

BENDAHARI KEHORMAT

KENYATAAN YURAN

PENDAFTARAN : RM5

- Ahli Seumur Hidup : RM100 (Diploma/Sijil Penolong Pegawai Farmasi)
- Ahli Biasa : RM20 SETAHUN (Diploma/Sijil Penolong Pegawai Farmasi)
- Ahli Bersekutu : RM5 (Pelatih)
 - ❖ KEAHLIAN TERBUKA KEPADA PENOLONG PEGAWAI FARMASI SEKTOR AWAM,SWASTA,PESARA DAN BEKAS-BEKAS PENOLONG PEGAWAI FARMASI TERLATIH